

Seramai 310 pelajar Sekolah Media Digital & Interaktif (SIDM) Politeknik Nanyang (NYP) yang menamatkan pengajian mereka mempamerkan projek ciptaan mereka dalam acara Fusion yang diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Suntec Singapore.

Acara itu merupakan wadah bagi para pelajar membentangkan portfolio mereka kepada rakan-rakan industri.

NUR HUMAIRA SAJAT (nhumaira@sph.com.sg) menemui bual tiga individu yang berkongsi perjalanan mereka dalam bidang itu.

Nampak potensi grafik bergerak selepas lihat sambutan penonton

SEBELUM ini, beliau menghasilkan video secara suka-suka sahaja.

Namun kini, Encik Khair Andanan, 20 tahun, telah menjumpai makna dan tujuan lebih mendalam apabila menyaksikan orang ramai memberi sambutan yang baik apabila menonton video yang dihasilkannya.

Antaranya adalah video bertajuk *Gadis Dua Muka*, sebuah persembahan wayang kulit eksperimental mengenai kebudayaan orang Jawa yang beliau hasilkan pada tahun lalu.

Minat graduan Politeknik Nanyang itu menghasilkan video semakin mendalam apabila beliau ditugaskan membuat video bagi pelancaran acara pembukaan IMDA Pixels Studio sebagai projek tahun akhir sekolahnya.

Lebih membanggakan, acara itu dilancarkan oleh Menteri Perhubungan dan Penerangan yang juga Menteri Bertanggungjawab Bagi Eh-

wal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, pada 29 November lalu.

Encik Khair ditugaskan sebagai *compositor* dan orang terakhir antara lapan yang bertanggungjawab membuat perubahan akhir.

“Apabila Dr Yaacob memicit butang memulakan video itu, saya berasa amat terharu apabila penonton mengeluarkan telefon bimbit untuk mengambil gambar,” ujarnya.

Beliau kini yakin boleh berjaya dalam bidang grafik bergerak.

“Dulu saya hanya tahu mengatut klip menjadi video tanpa tujuan yang nyata. Kini saya memastikan video yang saya hasilkan mempunyai mesej jelas yang boleh disampaikan,” tambah Encik Khair, yang mengikuti jurusan Grafik Bergerak dan Reka Bentuk Siaran.

Menurut beliau, perjalanan tiga tahun di NYP banyak mengajarnya agar lebih peka mengenai perasaan penonton sasarannya.

“Saya belajar bahawa asas reka bentuk ada hubung kait dengan perasaan. Cara kita mereka bentuk video boleh membangkitkan emosi berbeza,” ujarnya.

Selain itu, Encik Khair juga kini lebih cekap menggunakan perisian suntingan.

Namun, katanya, usaha perlu datang daripada diri sendiri juga.

“Mula-mula, guru akan mengajar asasnya. Jika kita ingin mendalami selok-belok menyunting, kita perlu buat banyak penyelidikan sendiri. Saya juga melihat kerja pereka lain dan pelajari dari situ,” katanya.

Walaupun grafik bergerak “bukan mudah”, beliau memperoleh motivasi apabila melihat sambutan positif terhadap video yang dihasilkannya.

“Saya akur bahawa industri ini kecil. Namun, saya percaya ia akan berkembang kerana dunia sedang rancang menuju ke era digital,” katanya.



BOLEH BERJAYA: Encik Khair bersemangat menceburi bidang grafik bergerak walaupun akur industri itu agak kecil di Singapura. – Foto-foto NUR HUMAIRA SAJAT